

***Tarikh Dibaca: 27 November 2015***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“IS; PENGGANAS BERTOPENGKAN  
ISLAM”***

***\*\*\****

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR  
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**  
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "IS; PENGGANAS BERTOPENGKAN ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَا يَزَالُونَ يُقْتِلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ  
عَنْ دِينِكُمْ إِنْ أَسْتَطَعُوا  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Saya berpesan pada diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.



Hari ini, marilah sama-sama kita hayati khutbah yang bertajuk **"IS; PENGGANAS BERTOPENGKAN ISLAM"**.

**Muslimin yang berbahagia,**

Marilah sama-sama kita merujuk sebuah hadis daripada Ali B. Abi Talib bahawa beliau telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Di akhir zaman akan muncul sekumpulan pemuda yang berfikiran singkat. Mereka berbicara dengan pembicaraan yang seolah-olah mereka sahaja yang terbaik. Mereka membaca al-Quran, tetapi tidak memberi kesan di dalam hati mereka. Mereka keluar dari agama secepat anak panah meluncur dari busurnya. Apabila kamu sekalian (pihak berkuasa) bertemu dengan mereka, maka perangilah mereka, kerana memerangi mereka mendapat ganjaran pahala di sisi Allah pada hari kiamat".*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

**Sidang Jumaat sekalian,**

Dewasa ini, dunia menyaksikan banyak kematian berlaku akibat berlaku peperangan. Peperangan yang berlaku pada abad ke 20 yang lalu telah menyaksikan jutaan manusia dibunuh. Hari ini, pada abad ke 21, peperangan terus berlaku di beberapa negara seperti Syria, Iraq, Afghanistan, Palestin dan lain-lain. Ia turut mengorbankan banyak nyawa. Apa yang lebih membimbangkan pada kali ini, peperangan yang berlaku di Iraq dan Syria seolah-olah menggambarkan apa yang disebut di dalam hadis tadi. Pembunuhan yang berleluasa sehingga pembunuh tidak tahu mengapa dia perlu membunuh dan mangsa bunuh tidak tahu apakah motif dia dibunuh. Manusia membunuh semahunya. Ia mencetuskan suasana fitnah sehingga



antara kumpulan bertentangan tidak mengenali siapa musuh dan siapa kawan.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam peristiwa pembunuhan ratusan orang awam di Paris baru-baru ini, kumpulan IS mengaku bertanggungjawab melakukan keganasan tersebut. Sebahagian daripada kita menyokong sesuatu kumpulan atas dasar semangat semata-mata tanpa mengenali siapakah sebenarnya mereka.

Siapakah mereka ini ?. Sejarah penubuhan IS telah dikesan dari kumpulan yang diketuai oleh Abu Musa al-Zarqawi yang menubuhkan Jemaah Tauhid Wal Jihad sekitar tahun 1999. Kumpulan yang asalnya ditubuhkan untuk menentang penaklukan Iraq oleh Amerika telah bertindak secara melampau bukan sahaja terhadap musuh Islam, tetapi jua terhadap orang-orang Islam yang sewenang-wenangnya dituduh sebagai bersekongkol dengan musuh Islam. Akhirnya sesiapa sahaja yang tidak sehaluan dengan mereka dituduh sebagai tali barut musuh dan dijatuhkan hukum murtad atau kafir.

Pada tahun 2004, kumpulan ini telah mengisytiharkan bersekutu (berbai'ah) dengan kumpulan al-Qaeda dan mula dikenali sebagai Tanzim al-Qaeda di Iraq. Setelah Abu Mus'ab al-Zarkawi terbunuh pada tahun 2006, pemimpin kumpulan ini diganti oleh Abu Ayub al-Masri dan mengisytiharkan penubuhan "Daulah Islam Fi Iraq" (Islamic State In Iraq – ISI). Pada tahun 2010, Abu Ayub al-Masri terbunuh dan diganti oleh Abu Bakar al-Baghdadi yang diberitakan telah terkorban pada 11 Oktober 2015.



Apabila krisis Syria bermula pada tahun 2011, mereka mula mengembangkan sayap ke Syria dan mula mengguna pakai nama Islamic State In Iraq and Syams (ISIS) dan kini dikenali sebagai IS.

Namun pada Februari 2014, al-Qaeda yang dilihat sebagai kumpulan ekstremis itu sendiri menolak dan memutuskan hubungan dengan IS kerana tindakan IS yang terlalu melampau.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Antara kekejaman dan tindakan melampau kumpulan IS adalah:

1. Membunuh secara memancung kepala wartawan James Foley yang dituduh sebagai ajen Amerika.
2. Membunuh dengan memancung kepala dua orang aktivis kemanusiaan Jepun sebagai amaran kepada kerajaan Jepun supaya tidak campur tangan dalam krisis Iraq dan Syria.
3. Membunuh secara membakar hidup-hidup juruterbang Jordan Mu'az Yusuf al-Kasasibah, seorang Muslim Sunni, kerana mengambil bahagian dalam serangan terhadap IS.
4. Membunuh tahanan dengan cara melemaskan hidup-hidup.
5. Membunuh tahanan perang mereka dengan mengunci didalam kereta dan menembak dengan roket hingga mati terbakar hidup-hidup.
6. Mengikat bom peledak dileher tawanan dan meletupkan hingga terputus kepala.
7. Merogol wanita-wanita yang ditawan kerana dianggap sebagai hamba tawanan perang.



8. Antara jenayah kejam yang lain dilakukan oleh mereka adalah memusnahkan rumah-rumah ibadah, perkuburan, membunuh orang-orang awam tanpa mengira orang dewasa, wanita dan kanak-kanak.

Ini adalah sebahagian kecil daripada contoh-contoh pembunuhan secara kejam oleh IS tanpa mengikut syariat dan akhlak Islam. Pembunuhan oleh IS ini bukanlah diambil daripada media barat yang mungkin berkepentingan, tetapi daripada sumber-sumber penerbitan IS sendiri yang secara terbukanya mengakui perbuatan mereka bahkan menghebahkan dengan bangganya.

#### **Sidang Jumaat sekalian,**

Kejahilan terhadap fekah al-jihad akan mendorong sebilangan umat Islam menyokong perjuangan kumpulan ini yang berpaksikan keganasan dan kezaliman. Kumpulan ini berjaya mempengaruhi golongan muslim professional dan terpelajar, ahli perniagaan, ahli akademik, pegawai kerajaan dan wanita-wanita Islam untuk sama-sama menyertai gerakan mereka.

Kumpulan IS melakukan pembunuhan, penyembelihan, pengeboman setiap hari secara salah dan kejam, bukan sahaja kepada mereka yang bukan Islam, malah ke atas orang-orang Islam termasuk alim ulama yang berbeza pendapat dengan mereka. Ini benar-benar amat bertentangan dengan konsep sebenar jihad yang dianjurkan oleh agama Islam.

#### **Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Menyedari betapa bahayanya fahaman dan ideologi IS terhadap akidah dan keselamatan negara, maka umat Islam hendaklah menjauhi ajaran dan ideologi IS kerana menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam yang



sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara penyelewengan yang dapat dikesan adalah;

1. Menegakkan Daulah IS menggunakan kaedah jihad Qital (perang) dan keganasan dengan cara membunuh musuh dan orang awam yang tidak berdosa secara zalim. Malah mereka menegaskan sesiapa yang tidak menyertai jihad mereka dianggap melakukan dosa besar.

2. Kumpulan IS mengkafirkan umat Islam yang mengamalkan sistem demokrasi dan terlibat dalam pilihan raya dan kepartian.

3. Kewujudan negara-negara umat Islam selain IS adalah negara kafir dan wajib diperangi.

4. Mereka mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan kumpulan mereka dan menghalalkan darah mereka termasuk pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum Syariah dalam sesebuah negara.

5. Mereka mengisytiharkan sesebuah Daulah secara haram yang tidak mendapat pengiktirafan mana-mana pihak termasuk Kesatuan ulama sedunia.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Semangat yang berapi-api tanpa ilmu seperti yang dipegang oleh golongan IS akan mendorong pendekatan keras dan ekstrim seperti yang pernah timbul dari kelompok Khawarij dalam sejarah Islam di mana mereka dengan mudah mengkafirkan sesiapa sahaja yang tidak menyokong gerakan mereka tanpa mengira latar belakang dan alasan orang yang menolak mereka. Mereka menggunakan hujah dari nas al-Qur'an secara salah tanpa merujuk kepada huraian dari hadis dan tafsiran para ulama.





### Sidang hadirin sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita memahami dan menghayati perkara-perkara berikut;

1. Islam melarang sekeras-kerasnya sebarang bentuk kekejaman dan pembunuhan tanpa hak yang dilakukan oleh mana-mana pihak terhadap orang Islam ataupun bukan Islam.
2. Umat Islam dilarang menyertai apa juga bentuk tindakan ekstrim oleh mana-mana kumpulan termasuk IS.
3. Umat Islam hendaklah memantapkan iman dan memperkasakan Islam dengan ilmu pengetahuan serta memelihara hubungan harmoni sesama Islam dan bukan Islam.
4. Ibubapa, para pendidik, para pemimpin hendaklah bersama-sama memainkan peranan dalam mengawasi dan mencegah pengembangan fahaman IS.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا  
فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا



*"Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka*



kepada-Nya, dan melakanatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar”.

(an-Nisa' :93).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.